

06 APR 2003

Nazri-Timbangan

UMNO CHENDEROH NYATAKAN SOKONGAN NAJIB JADI TPM

LENGGONG, 6 April (Bernama) -- Umno Bahagian Chenderoh hari ini menyatakan sokongan supaya naib presiden Datuk Seri Najib Razak menjadi timbalan presiden Umno seterusnya dilantik menjadi timbalan perdana menteri Oktober ini.

Ketua Umno bahagian itu Datuk Seri Nazri Aziz berkata bahagian itu berpendapat Najib paling layak menjadi timbalan perdana menteri kerana beliau adalah menteri kabinet paling lama dan berpengalaman luas.

Beliau layak menggantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal mengambil alih teraju negara sebagai Perdana Menteri selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara Oktober ini, katanya kepada pemberita selepas Najib merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian itu hari ini di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Lenggong, di sini.

Beliau berkata bahagian itu membuat pendirian sedemikian disebabkan Umno bahagian tidak akan dipanggil untuk membuat pengundian dalam soal siapa akan jadi orang nombor dua dalam kerajaan kerana pengisian untuk jawatan itu akan dibuat secara pelantikan oleh bakal Perdana Menteri.

Nazri berkata Najib telah lama berada dalam kerajaan dan memberikan sumbangan yang cukup berharga terhadap pembangunan negara dan beliau memang layak untuk jawatan itu.

Beliau berkata kenyataan Umno bahagian itu adalah bagi menyatakan hasrat dari peringkat akar umbi tentang sokongan terhadap jawatan nombor dua dalam parti dan kerajaan dan Umno Bahagian Chenderoh mungkin bahagian pertama menyatakan pendirian secara terbuka.

"Ini adalah untuk memudahkan mereka (pucuk pimpinan) membuat keputusan supaya mereka tahu pendirian peringkat bawah tentang jawatan ini.

"Ia juga memudahkan tugas Perdana Menteri pada waktu itu untuk menentukan orang yang layak untuk jawatan itu (timbang perdana menteri)," katanya.

Najib yang ditemui bagaimanapun enggan mengulas kenyataan Nazri itu.

-- BERNAMA

KAY RON